

# DR MAHATHIR SEDIH

Era Baru - 27/8/2004: 22 Perdana

**KUALA LUMPUR** - Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga bekas Presiden UMNO amat sedih dengan masalah keruntuhan moral, akhlak, serta peribadi masyarakat hari ini khususnya di kalangan remaja Melayu. Beliau yang melepaskan kedua-dua jawatan tersebut Oktober tahun lalu kini banyak menerima undangan dari pelbagai pihak dalam dan luar negara untuk menyampaikan ceramah-ceramah.

Ketika berceramah di Sekolah Menengah Seremban 2 baru-baru ini, beliau menegaskan peratus kejadian bunuh, rogol, rompak dan samun yang melibatkan remaja semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Menurutnya lagi, masyarakat hari ini sentiasa berada dalam keadaan ketakutan kerana di mana-mana sahaja bahaya boleh berlaku. Ini kerana golongan yang melakukan jenayah ini seolah-olah tidak dapat mengawal emosi dan nafsu serta tidak mempunyai pekerti yang baik.

Dr Mahathir juga menyatakan bahawa salah satu sebab keruntuhan akhlak masyarakat hari ini ialah berpunca dari pengaruh budaya Barat yang tidak sesuai diamalkan dalam masyarakat Timur.

"Kita orang Timur, bukan orang barat. Orang Timur ada budaya hidup tersendiri. Orang Timur masih

Tun Dr Mahathir Mohamad melawat Galeri Sejarah Sekolah Menengah Kebangsaan Seremban 2 selepas menyampaikan ceramah di sana.

Oleh :  
**ABDUL MUTALIB  
HJ ADNIN**

mempunyai nilai yang tinggi dan akhlak yang mulia.

Janganlah kita me-niru kelakuan tidak senonoh masyarakat barat."

Selain itu, penyalahgunaan internet untuk melayari web lucah juga salah satu punca keruntuhan akhlak dan moral remaja negara ini.

"Kita boleh sekat dan tapis seperti di Jerman dan China di mana bahan pornografi ditapis. Sekarang ini remaja dan golongan muda yang melihat bahan pornografi ini akan cepat terangsang syahwat mereka apabila nampak wanita muda dan kanak-kanak"

Oleh itu beliau meminta golongan agama memainkan peranan lebih besar mendidik dan membentuk akhlak mulia di kalangan remaja dan juga kepada semua lapisan masyarakat.

**Era Baru** yang menemui orang ramai bagi mendapatkan pandangan mereka telah melahirkan kebimbangan terhadap isu ini.



Mereka meminta supaya kerajaan dapat bertindak tegas dalam hal ini dengan membanteras punca-punca yang menyebabkan masalah remaja ini.

Mereka mahukan pusat-pusat hiburan di bandar-bandar besar dikurangkan, mengharamkan orang Melayu bekerja dan memasuki pusat hiburan, menghamkan konsert artis pada waktu malam dan banyak lagi keluhan-keluhan yang diperkatakan oleh orang ramai.

Ramai ibubapa menyatakan bahawa mereka tidak dapat mengawal anak-anak mereka dengan baik sekiranya perkara-perkara yang menyebabkan keruntuhan moral tidak dicegah dengan serius dan berkesan oleh kerajaan.